

Zazuli dilantik Ketua Pengarah Kastam

Menggantikan Abdul Latif Abdul Kadir yang tamat tempoh lantikan secara kontrak 24 Mac lalu

Oleh **RMUHAMMAD ZAKWAN NAZARLY**
SHAH ALAM

Datuk Zazuli Johan dilantik sebagai Ketua Pengarah Kastam yang baharu menggantikan Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir yang tamat tempoh lantikan secara kontrak pada 24 Mac lalu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali berkata, pengetahuan dan kredibiliti yang dimiliki akan membolehkan Zazuli meneruskan aspirasi Jabatan Kastam Diraja Malaysia



Zazuli (kanan) dilantik sebagai Ketua Pengarah Kastam yang baharu.

(JKDM) ke arah pentadbiran kastam bertaraf dunia.

“Saya bagi pihak kerajaan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir atas jasa dan khidmat bakti beliau kepada negara sebagai penjawat awam selama 37 tahun,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Zazuli, 59, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Sains

(Pengurusan) dari Universiti Utara Malaysia.

Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam sejak tahun 1985 dengan jawatan pertama yang disandang sebagai Penguasa Kastam di Cawangan Pelabuhan Utara Selangor.

Beliau juga berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk kawalan import eksport, pengurusan pematuhan, cukai barang dan perkhidmatan (GST), perkastaman dan percukaian serta pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman dan Cukai Dalam Negeri).



Laporan *Sinar Harian* pada 24 Jun lalu.